


Pembedahan Dr. M bukan opsyen terbaik

PETALING JAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dinasihatkan berehat antara dua hingga tiga minggu susulan kecederaan patah tulang pinggul yang dialaminya kelmarin.

Anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, disebabkan faktor usia sudah mencecah 100 tahun, maka proses pembedahan bukan satu pilihan sesuai.

Katanya, pakar kesihatan daripada Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) menasihatkan Dr. Mahathir melalui proses pemulihan biasa tanpa melibatkan pembe-



MAHATHIR MOHAMAD

dahan.

“Jadi proses ini akan mengambil sedikit masa dan beliau perlu berehat antara dua ke

tiga minggu sebelum kembali sihat seperti biasa dan boleh kembali bertugas seperti sebelum ini” video yang dirakamkan di Ibu Pejabat Pejuang, semalam.

Mukhriz berterima kasih kepada semua pihak yang berkongsi rasa simpati serta turut bersama-sama mendoakan kesihatan Dr. Mahathir.

Kelmarin, Dr. Mahathir dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) kira-kira pukul 9.30 pagi selepas dilaporkan terjatuh di kediamannya sehingga mengalami patah tulang pinggul.